

# THE TITAN

*Industry View*  
EMAS,  
PELABURAN  
DAN BARANG  
KEMAS



RICHWORKS®

Di Sini Lahirnya  
Usahawan Jutawan

16 OKTOBER 2022 | BIL: 29  
[www.richworks.com](http://www.richworks.com)

# KAHARO JEWELS

PENYAMBUNG LEGASI PERUSAHAAN  
EMAS KELUARGA

THE  
**TITAN**

KAHAR  
DESIRE OF WOMEN'S HEART



# DARI RUMAH KE RUMAH, KINI MULA KUASAI TERENGGANU

Jika bercakap mengenai emas, pasti kaum wanita menjadi sangat teruja mendengarnya.

Terus bersinar mata jadinya bila terbayangkan keindahan kilauannya yang bercahaya di minda.

Bukan hanya cantik untuk digayakan, ia juga sering menjadi pilihan pelaburan ramai kerana untung yang tinggi dan risiko rendah.

Bagi pengusaha emas pula, aktiviti jual beli emas sememangnya boleh memberikan pulangan lumayan namun jika silap percaturan, ia boleh membawa kepada kerugian yang dahsyat.

Meneruskan legasi bisnes perusahaan emas keluarga, Kamarulhadi Rani yang merupakan pemilik Kaharo Jewels mempunyai pengalaman yang luas dalam industri ini apatah lagi sudah melibatkan diri sejak berusia 20 tahun lagi.

"Perniagaan yang diusahakan di Terengganu ini bermula daripada datuk, kemudian kepada ayah

hingga ke generasi saya kini.

"Kepakaran Kaharo adalah menyediakan pelbagai rekaan emas yang boleh menjadikan setiap wanita tampil cantik dan bergaya," jelasnya.

## CARA LAMA DISENANGI PELANGGAN

Menariknya, tradisi bernesiga emas dari rumah ke rumah semenjak zaman datuknya masih diteruskan hingga kini biarpun sudah ada kedai yang tersergam indah di Dungun.

"Dari zaman datuk lagi beliau sudah bernesiga dari rumah ke rumah. Walaupun sudah ada kedai, cara 'old school' ini sebenarnya mendekatkan kita lagi kepada pelanggan dan buatkan kita dapat mengenali mereka dengan lebih dekat lagi," ujarnya.

Tidak lari berdepan dengan ujian perniagaan,



beliau akui dunia perniagaan ini sememangnya menuntut pengorbanan yang besar daripada seseorang usahawan itu jika mahu mengelak kejayaan diidamkan.

Bagi beliau cabaran paling besar apabila perlu berkorban masa dan duit untuk membantu membina team supaya mereka dapat faham apa yang setiap bisnes inginkan dan ia menjadi lebih mencabar bila ahli team mula bertambah ramai.

"Saya sangat bersyukur kerana hasil kerja mereka semuanya luar biasa. Banyak juga perkara yang sering kita perbetulkan dari semasa ke semasa contohnya mengenai mindset. Ini adalah antara ilmu baru yang saya belajar selepas pulang dari Inner Circle Meeting (ICM) di Bali baru-baru ini.

"Selain itu, kita kena selalu memikirkan cara bagaimana mahukekalkan pelanggan yang sedia ada dan juga cara bersaing dengan pesaing lain.

"Kalau dulu mungkin kita terlalu mengikut harga pesaing sehingga kita kerugian tapi sekarang tidak lagi. Cabaran kini adalah bagaimana kita mahu bantu team untuk terus berkembang lagi bersama Kaharo," kongsinya.

## DARI BISNES KE BISNES

Kongsi Kamarulhadi, beliau sebelum ini pernah melakukan beberapa kesilapan dalam dunia bisnes kerana terlalu ingin mengejar keuntungan.

"Banyak bisnes yang pernah saya buat sebab nampak lebih untung. Bila ada modal lebih hasil keuntungan emas, saya cuba untuk gunakannya bagi mengusahakan bisnes lain pula seperti kedai telefon. Syukurlah waktu itu saya dapat hasilnya tapi sebenarnya banyak buang masa. Bisnes pula tidak konsisten.

"Kemudian saya cuba pula bisnes 'car wash'. Ingatkan untung banyak rupa-rupanya makin

“

SAYA SANGAT BERSYUKUR KERANA HASIL KERJA MEREKA SEMUANYA LUAR BIASA. BANYAK JUGA PERKARA YANG SERING KITA PERBETULKAN DARI SEMASA KE SEMASA CONTOHNYA MENGENAI MINDSET. INI ADALAH ANTARA ILMU BARU YANG SAYA BELAJAR SELEPAS PULANG DARI INNER CIRCLE MEETING (ICM) DI BALI BARU-BARU INI.



teruk. Seterusnya saya cuba pula bisnes kosmetik, pakaian dan kedai runcit.

“Sebab apa kita buka? Sebab bila untung kita tidak fikir untuk tambah modal perniagaan emas tapi gelap mata untuk buka perniagaan baru pula kerana modalnya tidaklah seberapa. Itulah kesilapan yang telah saya lakukan. Hancur jadinya.

“Sebenarnya saya buat bukan untuk diri sendiri tetapi lebih kepada untuk membantu rakan niaga. Namun, disebabkan kepimpinannya tidak kuat, dia lari tinggalkan bisnes. Kita cuba untuk menguruskannya namun tak terdaya. Akhirnya kita ambil keputusan untuk tutup,” kongsinya.

## TAK MAHU LAGI TERKAPAI-KAPAI

Belajar daripada kesilapan, Kamarulhadi mula mencari jalan dan mentor yang betul untuk membimbangnya ke tahap yang lebih tinggi.

“Perjalanan saya bersama dengan Richworks bermula pada Julai 2020 iaitu dalam program Intensif Magnet Kekayaan & Kejayaan (IMKK). Waktu itu bisnes tak boleh nak berjalan dan kita tahu yang kita kena belajar.

‘Oleh itu, saya mulai cari ilmu kerana kurang pendedahan tentang cara bina team, menaikkan jualan dan banyak lagi. Saya sudah ada mindset untuk bantu orang tapi tiada pengetahuan untuk membinanya ke tahap yang lebih besar.

“Alhamdulillah, banyak perubahan yang telah saya dan syarikat lalui. Banyak perkara yang dapat kita belajar sama ada betul atau tidak tindakan kita itu. Terlampaui banyak ilmu yang saya peroleh dan saya jadi lebih yakin untuk berhadapan dengan pesaing.

“Dulu waktu siang saya meniaga emas, malam buat bisnes lain. Kini, tidak lagi. Dulu memang gilalah. Kita buat begitu sebab mahu orang lain berjaya sama. Tapi sekarang saya memilih untuk



memfokuskan pada bisnes emas sahaja. Itu lebih selamat," katanya yang kini sudah dua tahun dalam program pementoran Titanium.

## HARAPAN BESAR TERSEMAT DI HATI

Mahu melihat pasukannya terus berkembang maju, Kamarulhadi seronok apabila melihat rata-rata stafnya sudah mampu memiliki kenderaan sendiri bahkan ada juga yang sudah membeli rumah.

Beliau juga sedang dalam usaha membuka kios bagi membantu orang ramai melakukan servis pada barang kemas.

"Ketika ini kami dalam proses mengubah suai tiga kios kerana kami mahu memudahkan pencinta emas bagi proses membaik pulih emas mereka.

"Ketika ini kami memfokuskan di kawasan Felda di Terengganu dan ingin membantu

lebih ramai ejen untuk mengembangkan bisnes kerana seperti yang kita sedia maklum, bisnes ini menuntut kepercayaan yang tinggi daripada pembeli," jelasnya.

Berharap dapat menguasai pasaran Terengganu, beliau juga mengidamkan agar dapat melihat seluruh stafnya berjaya mencapai kejayaan seperti yang beliau miliki pada hari ini.

Di samping itu, beliau juga mempunyai azam yang ingin dibuktikan kepada mentor, Datuk Wira Dr. Azizan Osman iaitu mencapai jualan yang luar biasa dalam tempoh lima tahun akan datang.

"InsyaAllah, dengan strategi yang betul segalanya pasti dapat dicapai. Doakan saya agar terus kuat semangat, berjaya dan dapat bantu lebih ramai lagi orang di luar sana," katanya menutup bicara.

Bagi yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai Kaharo Jewels, anda boleh layari ke laman Instagram @kaharojewels.



## PENCAPAIAN

Berkongsi khabar gembira, Kaharo Jewels berjaya mencapai jumlah jualan sebanyak RM46 juta pada 2021.


"Saya mensasarkan untuk mencapai jumlah jualan sebanyak RM100 juta pada tahun ini. Namun, jika hasilnya melebihi tahun lalu pun sudah memadai. Kini, angka itu sudah makin mengatasi jumlah jualan tahun lalu," ceritanya dengan penuh rasa teruja.





## NASIHAT

Kamarul Hadi



**PERTAMA**, carilah tempat menimba ilmu.

"Yang mana baru hendak berbisnes, carilah mentor dan tempat menimba ilmu yang betul untuk pergi lebih jauh dalam perniagaan. Bimbingan akan membantu kita melakukan tindakan yang tepat dan membaiki kelemahan yang ada," jelasnya.

**KEDUA**, niat kena betul.

"Sentiasa perbaiki niat untuk bawa team atau staf berkembang maju bersama kita," ujarnya.

**KETIGA**, fahami pelanggan.

"Memandangkan saya menjual barang kemas, saya juga melatih staf untuk menjual ke rumah pelanggan supaya kita dapat mengenali mereka dengan lebih mendalam dan tahu cita rasa mereka terhadap barang kemas," katanya.

**KEEMPAT**, kenang kembali pahit manis jika terasa mahu mengalah.

"Jika mahu putus asa, ingatlah kembali betapa payahnya usaha kita dahulu untuk sampai ke tahap ini. Jangan jadikannya sia-sia," kongsinya lagi. 

# EMAS, PELABURAN DAN BARANG KEMAS

**E**mas merupakan komoditi perdagangan yang sudah wujud sejak berabad lalu lagi. Kini, ianya berkembang menjadi simbol kekayaan dan status di seluruh dunia. Trend peningkatan pelaburan emas juga meningkat tahun demi tahun, terutamanya di kalangan pelabur baru.

Jika anda baru berjinak di dalam dunia pelaburan, emas boleh menjadi pilihan bijak.

Mengapa? Di antaranya, emas boleh memberi perlindungan terhadap inflasi. Dan kerana sumber emas yang terhad, ianya juga akan kekal bernilai.



Sebagai pelabur, anda juga boleh mempelbagaikan portfolio dengan pelaburan emas, sebagai tambahan kepada pelaburan-pelaburan lain seperti ekuiti, unit amanah (seperti ASB), harta tanah dan lain-lain.

Namun, ada yang tertanya-tanya mana satu yang terbaik antara dinar, gold bar dan barang kemas?

## DINAR

Dinar merupakan mata wang syiling berdasarkan emas yang pernah digunakan untuk melakukan urusan penjualan & pembelian pada tahun ke-6 dan ke-7 Masihi oleh masyarakat Arab Mekah dan Madinah.

Dinar mempunyai dua jenis iaitu 24 karat dan 22 karat. 24 karat bersamaan dengan mutu emas 999 manakala 22 karat bersamaan dengan mutu emas 916.

Menariknya, biarpun mempunyai perbezaan dari segi mutu emas, namun satu dinar emas tetap mempunyai berat yang sama iaitu 4.25 gram.

Walau bagaimanapun, jika anda membeli atau melabur pada dinar yang bermutu emas 999 atau 24 karat, kebiasaannya sedikit mahal berbanding dinar emas bermutu 916 atau 22 karat. Hal ini kerana, dinar 999 mempunyai ketulenan logam emas sebanyak 99.99%.

Sekitar 2000, Tun Mahathir pernah memperkenalkan dan mempromosikan semula penggunaan dinar emas ekoran kejatuhan nilai mata wang ASEAN pada 1998.

Penempaan dinar emas pertama oleh Royal Mint of Malaysia diterima baik oleh rakyat Malaysia

di mana mereka mula menggunakan dinar emas sebagai simpanan, pelaburan, hadiah malah sebagai hantaran perkahwinan.

- Boleh digunakan untuk muamalat dan ibadah Aqiqah
- Digunakan atas tujuan untuk membayar zakat
- Dijadikan sebagai hantaran dan mas kahwin
- Cenderamata dan hadiah untuk orang yang tersayang
- Simpanan untuk menunaikan haji dan umrah
- Tabungan/simpanan/pelaburan

## GOLD BAR

Gold bar adalah jongkong emas. Gold bar terdapat dalam pelbagai jenama, saiz, berat dan kebanyakannya ketulennya adalah 999.9

Bagi gold bar, susut nilai adalah lebih kecil di antara 4% ke 10%. Ini bermakna bagi pelabur emas, kenaikan yang sedikit boleh mendatangkan keuntungan dengan cepat.

Jual balik atau buyback gold bar masih tinggi nilainya walau calar, bengkok atau patah.

Memberi pilihan kepada mereka yang ingin membuat simpanan semata-mata.

Pilihan untuk mereka yang sudah banyak barang kemas dan ingin simpan dalam bentuk jongkong.

Bentuk fizikal yang lebih menyerlah berbanding emas untuk simpanan ataupun pelaburan lain dan menjadi kebanggaan kepada pemiliknya.

Sesuai untuk simpanan jangka masa panjang seperti untuk pendidikan anak-anak, perkahwinan, simpanan hari tua, membeli rumah dan sebagainya.



## BARANG KEMAS

Apabila menyebut tentang emas, pasti terlintas di fikiran anda betapa sinonimnya kaum wanita dan emas sebagai perhiasan.

Sudah menjadi fitrah seorang wanita yang suka kelihatan cantik dan kelihatan indah.

Bagi kaum wanita, emas perhiasan yang dibeli, selalunya disimpan untuk satu tempoh yang lama dan kadangkala emas perhiasan itu diturunkan ke generasi seterusnya seperti anak-anak dan cucu-cucu perempuan mereka.

Bagi penggemar emas, pembelian barang kemas tidak dianggap suatu pembaziran sebaliknya pelaburan.

Kerana jika keadaan terdesak, barang kemas tersebut boleh dijual semula atau digadaikan

terutama ketika harga emas meningkat.

- Dijadikan sebagai barang perhiasan wanita
- Menarik perhatian kaum wanita dengan rekaan yang cantik dan kilauannya yang memukau
- Mempunyai 4 fungsi utama : simpanan, perhiasan, pelaburan, perniagaan
- Mudah untuk mendapatkan tunai kerana diterima di semua kedai pajak ataupun Ar-Rahnu.

Bagi seseapa ada masalah simpan duit selalu gagal, dicadangkan untuk ubah cara menyimpan. Simpanlah dalam bentuk emas.

Selain itu, jika anda masih mencari-cari pelaburan yang sesuai, anda boleh cuba pelaburan emas. Anda boleh mulakan dengan membeli gram yang kecil dahulu. Ikut pada kemampuan masing-masing. Beli sikit-sikit, lama-lama jadi bukit. ●

# Business Evaluation Success Transformation

# best



## KHAS KEPADA USAHAWAN YANG NAK BISNES GROW 10X PADA TAHUN 2022

KUASAI PASARAN WALAUPUN RAMAI  
PERSAINGAN DAN BINA RAVING FANS YANG  
TER'GILA-GILA' KAN PRODUK DAN SERVIS ANDA!

MOHON SEKARANG: [richworks.com/best](http://richworks.com/best)

Datuk Wira  
Dr. Azizan Osman  
Mentor Usahawan Jutawan

**RICHWORKS®**  
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

# 10X BINA BISNES BERJAYA<sup>2023</sup>

28–30 OKTOBER 2022  
SETIA CITY CONVENTION CENTRE (SCCC)

**PERKUKUHKAN BISNES ANDA  
MENDEPANI CABARAN MASA INI.**

Jadi bangsa usahawan yang lebih  
bersedia dengan ilmu & strategi  
proven success melalui program  
keusahawanan RichWorks.

DAFTAR dengan  
imbas kod QR tertera



**[www.BinaBisnesBerjaya.com](http://www.BinaBisnesBerjaya.com)**

# E-MAGAZINE UNTUK BANGSA USAHAWAN

RICHWORKS®  
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

THE TITAN

**PENAFIAN :** NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.